



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;  
ANAK MASA DEPAN KITA,  
APA PERANAN KITA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEEDIENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## "ANAK MASA DEPAN KITA, APA PERANAN KITA".1

... الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا ...	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ	
<b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b>  Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan setiap perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita akan terus dikurniakan kebaikan di dunia dan di akhirat nanti.	5
Pada hari yang berbahagia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk <b>"ANAK MASA DEPAN KITA, APA PERANAN KITA".</b>  <b>Hadirin sekalian,</b>	6



Kanak-kanak merupakan amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT kepada para hamba-Nya untuk dipelihara serta dididik sehingga menjadi manusia berguna. Ini bagi memastikan mereka mampu untuk mengambil alih peranan memakmurkan bumi Allah SWT pada masa hadapan dengan sebaik-baiknya berbekalkan fitrah (kesucian) dalam diri setiap insan yang wujud sejak lahir ke dunia lagi.

7

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ، أَوْ يُنَصِّرَانِهِ، أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

8

*"Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah (suci bersih), maka kedua ibubapanyalah yang mencorakkanya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi."*

*(Riwayat al-Bukhari).*

9

Kewajipan dalam memastikan fitrah terus mekar dalam diri anak-anak tanpa ternoda dengan kejahatan sehingga mereka besar adalah tanggungjawab ibu bapa atau penjaga. Usaha itu mampu direalisasi dengan memberi pendidikan dan bimbingan berkualiti kepada anak-anak khususnya yang berkaitan agama. Pengetahuan agama yang tepat mampu menjadi panduan dalam membezakan mana yang hak dan mana yang batil. Pengetahuan agama juga turut mampu mendorong seseorang agar sentiasa mentaati Allah SWT, berusaha menyuburkan Sunnah Rasulullah SAW dan sentiasa mencari ruang untuk berbakti kepada agama, bangsa serta negara.

10



Anak-anak itu nanti mampu menjadi <i>insan rabbani</i> serta tergolong dalam golongan orang-orang yang diberi kebaikan oleh Allah SWT.	11
Ini selaras dengan hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim daripada Muawiyah bin Abi Sufyan Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:  <i>"Sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan kepadanya, dia akan diberikan kefahaman tentang agama"</i>	12
Selain itu, usaha ke arah memberi pemahaman yang baik berkaitan agama melalui pendidikan kepada anak-anak mampu menjadi agenda bagi menyelamatkan diri dan keluarga kita daripada bahang api neraka.	13
Langkah ini selaras dengan perintah Allah SWT kepada orang-orang yang beriman sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Tahrim, ayat keenam, yang dibacakan di awal khutbah tadi yang bermaksud:  <i>"Wahai orang-orang yang beriman! Pelihara-lah diri dan keluarga kamu dari neraka ..."</i>	14
Kita kena ingat, sekiranya tiada usaha untuk memberi pemahaman agama yang tepat dan tidak dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh nescaya anak-anak akan membesar menjadi manusia yang rosak dan tidak beriman kepada Allah SWT. Nikmat dikurniakan anak kepada kita akan menjadi asbab kita diazab di kemudian hari nanti sekiranya lalai menunaikan tanggungjawab yang sepatutnya.	15



Firman Allah SWT dalam Surah al-Syu'ara' ayat 132 hingga 135:

وَاتَّقُوا الَّذِي أَمَدَّكُمْ بِمَا تَعْلَمُونَ ﴿١٣٢﴾ أَمَدَّكُمْ بِأَنْعَامٍ وَبَنِينَ ﴿١٣٣﴾  
وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾ إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٥﴾

16

*"Dan berbaktilah kamu kepada Allah yang telah menolong kamu dengan pemberian nikmat-nikmat-Nya yang kamu sedia mengetahuinya. Diberinya kamu binatang-binatang ternak (yang biak) serta anak-pinak (yang ramai). Dan taman-taman (yang indah permai) serta mata air-mata air (yang mengalir). Sesungguhnya aku takut, (bahawa) kamu akan ditimpa azab seksa hari yang besar (huru-haranya)."*

17

#### **Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,**

Mendidik anak-anak agar mereka benar-benar memahami agama bukanlah sesuatu tugas yang mudah dan boleh dipandang ringan khususnya di zaman moden ini yang penuh dengan pelbagai cabaran. Kesukaran semakin bertambah dengan kewujudan norma-norma baharu dalam kehidupan impak pandemik Covid-19 yang melanda bermula dari tahun lalu. Tetapi itu tidak boleh dijadikan alasan untuk melakukan tugas mendidik anak-anak dengan cuai, melainkan menunaikan tanggungjawab tersebut dengan usaha yang lebih berganda.

18

Hadis daripada A'isyah Radiallahu'Anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ

19

*"Sesungguhnya Allah kasih apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan hendaklah dilakukan secara tekun".*

*(Riwayat al-Baihaqi).*



<p>Kaedah yang perlu digunapakai dalam mendidik perlu bervariasi dan bersesuaian mengikut masa dan keadaan. Menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan dalam karyanya yang berjudul <i>Tarbiyatul Aulad fil Islam</i>, antara kaedah mendidik yang efektif adalah seperti berikut</p>	20
<p><b>Pertama: Pendidikan Melalui Teladan</b></p> <p>Pendidikan melalui teladan merupakan kaedah yang paling berkesan kepada kanak-kanak. Ini kerana, apabila kanak-kanak melihat contoh ikutan yang baik pada ibu bapanya, mereka akan mengikut prinsip-prinsip yang baik juga. Jika ibu bapa ingin melihat anaknya bersifat jujur, amanah, penyanyang dan menjauhi perkara batil, maka ibu bapa perlu memberikan contoh yang baik iaitu dengan melakukan kebaikan, menjauhi kejahatan, berakhlak mulia, mengikut kebenaran dan meninggalkan kebatilan.</p>	21
<p><b>Kedua: Pendidikan Melalui Kebiasaan</b></p> <p>Kanak-kanak adalah dilahirkan dengan sifat fitrah. Kebiasaan dalam persekitaran mereka akan mempengaruhi sama ada mereka akan terus kekal dengan fitrahnya atau sebaliknya. Bagi memastikan kanak-kanak terus membesar dengan fitrah, didikan dengan segala kebiasaan yang baik amat perlu. Ibu bapa perlu mewujudkan persekitaran yang baik bagi membentuk mereka.</p>	22
<p><b>Ketiga: Pendidikan Melalui Nasihat</b></p> <p>Nasihat mampu membuka minda kanak-kanak terhadap hakikat sesuatu perkara dan mendorong mereka melakukan perkara yang mulia, menghias diri dengan akhlak terpuji serta memahami kepentingan pendidikan Islam. Itulah yang menjadikan banyak ayat-ayat al-Quran dan sabda Rasulullah SAW dipenuhi dengan nasihat. Nasihat yang berhikmah amat perlu diberikan kepada kanak-kanak dalam mendidik mereka.</p>	23



**Keempat: Pendidikan Melalui Pemerhatian**

Pendidikan melalui pemerhatian bermaksud menjejaki, menemani, memerhati dan mengawasi kanak-kanak dalam membentuk akidah, akhlak, psikologi dan sosialnya. Ia dapat dilaksanakan dengan sering bertanya tentang keadaan kanak-kanak dalam aspek jasmani mahupun pencapaian akademik.

24

Semoga kaedah-kaedah ini mampu memahamkan mereka tentang hal-hal agama, memperbaiki akhlak dan memantapkan pemikiran mereka untuk dijadikan bekalan di dunia dan akhirat. Sekiranya semua ini mampu dicapai, sudah pasti ia akan menjadi kompas panduan dalam merealisasikan harapan agar anak kita adalah masa hadapan negara. Semoga dengan itu, Malaysia akan terus menjadi negara aman dan sentosa yang berkekalan selama-lamanya.

25

**Hadirin jemaah yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, bersempena dengan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia yang disambut saban tahun, yang bertemakan "Anak Kita: Masa Hadapan Negara", maka mimbar menyeru supaya

1. Marilah kita bersama-sama menjaga dan mendidik anak-anak yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada kita.
2. Umat Islam mestilah memastikan pendidikan anak-anak dapat membentuknya menjadi anak-anak soleh yang sentiasa mendoakan kesejahteraan ibu bapa mereka di dunia dan di akhirat.
3. Ibubapa mestilah memastikan masa depan anak-anak yang stabil dan seimbang dari segi akidah, akhlak, emosi dan sebagainya.

26



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَلِيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةَ ضِعْفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾</p>	27
<p><i>“Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran).”</i></p> <p>(Surah al-Nisa : 9).</p>	28
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	29
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	30



## KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،</p>	1
<p>وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.</p>	5
<p>Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.</p>	6
<p>Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarat dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berasaskan keimanan yang mantap.</p>	7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :	8
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾	9
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَن أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.	10
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	11
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.	12
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	13
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطِينِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	14



<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ،</p>	15
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.</p>	16
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	17
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	18
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	19



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	20
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾.	21
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾	22
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	23